

**ABSTRAK**

**Tahun 2018**

**Jilid 1 Bil 14**

**WARKAH SULTAN IBRAHIM DALAM KOLEKSI SURAT-SURAT FRANCIS LIGHT**

**Oleh ;**

**Abdur –Rahman Mohamed Amin**

**Jabatan Pengurusan Dan Kemanusiaan ,**

**Universiti Teknologi PETRONAS.**

**Seri Iskandar,Perak.**

**ABSTRAK**

Kertas ini membincangkan tentang kandungan empat puluh tujuh pucuk surat-surat yang dihantar oleh Sultan Selangor iaitu Sultan Ibrahim sekitar penghujung abad ke 18. Kesemua surat-surat ini ialah manuskrip asli yang ditulis dalam Bahasa Melayu bertulisan jawi yang tersimpan di bahagian Aekib, perpustakaan School Of Oriental and African Studies , University of London. Surat-surat ini telah dikumpul daripada 11 jilid koleksi surat-surat Francis Light dan telah aiatur semula susunannya berdasarkan tarikh yang tercatat pada surat-surat ini.Surat yang terawal ialah surat yang seawal Disember 1785 sementara surat terakhir yang dikesan ialah surat bertarikh Disember 1791. Surat-surat ini telah dianalisa termasuk cop mohor sultan dan kandungannya. Ia menceritakan dengan jelas hubungan antara kesultanan Selangor dengan Inggeris serta Belanda dan juga hubungan Selangor dengan Kedah , Perak dan Aceh. Kegiatan ekonomi Selangor turut dibincangkan iaitu melibatkan jualan barang komoditi seperti timah , lada hitam , lilin dan rotan serta pembelian barang seperti beras, perkakas besi dan opium. Sultan Selangor turut membeli senjata seperti senapang , Meriam serta peluru untuk memperkuatkan pertahanan Selangor. Baginda juga turut meminta bantuan Light untuk menumpangkan rakyatnya menaiki kapal bagi menunaikan haji di Mekah. Ringkasnya , surat-surat ini merupakan bahan sejarah bertulis yang penting bagi negeri Selangor kerana kandungan yang memaparkan suasana yangberlaku di Selangor pada zaman Sultan Ibrahim berdasarkan sumber bertulis daripada baginda sendiri.

## **PERGERAKAN DAN PEMBANTERASAN KOMUNIS DI DAERAH KALNG , SELANGOR 1948-1960**

**Oleh:**

**Dr.Ho Hui Ling**

**Jabatan Sejarah , Fakulti Sastera dan Sains Sosial , Universiti Malaya**

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan untuk meneliti pergerakan komunis di daerah Klang dan langkah pembanterasan yang dijalankan oleh kerajaan .Klang merupakan sebuah daerah pentadbiran yang penting di Selangor . Dari segi ekonomi , daerah Klang merupakan kawasan penting perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Tambahan pula, majority penduduk di daerah Klang adalah orang Cina . Keadaan ini menjadikan Klang sebagai kawasan penggerakan komunis dan PKL yang penting di Seloangor .Pergerak komunis di Klang bermula pada tahun 1920-an . Pada ketika itu komunis bergerak melalui cawangan KMT , sekolah dan pertubuhan bagi meyebarkan pengaruh mereka . Komunis juga menggunakan keadaan ekonomi semasa dan Perang China- Jepun dalam memperluas kepada golongan pekerja dan orang cina . Komunis terus bergerak dengan giat pada zaman pendudukan Jepun dan kemudian zaman darurat (1948-1960) . Mereka melakukan pelbagai jenis kegiatan kekerasan dan keganasan di Klang . Komunis bertindak menyerang , memgugut, merompak dan membunuh penduduk serta menganggu golongan pekerja estet dan lombong. Jesteru , pihak kerajaan bertindak mengantur pelbagai langkah bahi membanteras komunis dan memulihkan keamanan. Ini termasuklah pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan , rancangan pemindahan dan penempatan semula penduduk. Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat, menubuhkan pasukan Home Guard, membina dan membaiki jalan serta salira , memasang lampu keliling kampong baru, menguatkuasakan perintah berkurung , kawalan makanan dan mewujudkan konsep Kawasan Putih. Klang ( berserta Kuala Selangor dan sepanjang pantai Kuala Langat ) merupakan Kawasan Putih pertama yang diisytiharkan di Selangor pada awal Disember 1954. Langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan akhirnya Berjaya melemahkan penggerakan komunis dan menumpaskan mereka .Dengan itu zaman darurat dapat ditamatkan pada 31 Julai 1960.

**THE MALAY TRADITIONAL , TELEPUK TEXTILE  
AS THE ROYAL MALAY – SELANGOR TRANDITIONAL**

**Oleh**

**Mohd Jamil Bin Muhamad Amin,Fadilah Abdullah**

**Faculty of Art& Design , University Technology Mara (UiTM)**

**ABSTRAK**

This study was conducted to determine the symbolism and a meaning of the Malay Traditional Telepik textile as an art form of the Selangor Malay royal fabric. The three artifactsn of the Malay – Selangor Tranditional Telepuk costume artifacys from Asia Art Museum ,University of Malaya Kuala Lumpur were studying of clarify the aesthetic value of telepuk pieses belong to Y.M Datin Paduka Raja Fauziah Tun Raja Uda, one of the family's members of Selangor Royal court. All the artifacts were analysed from ampoint of color , motif and appearances of artefact to revise the syambolism of the Selangor Malay Tranditioal Telepuk textile is formlly worn since 300 years ago. Selangor state were producing Telepuk textile as the Selangor royal court art craft produce during the reign og High Royal Highness the Majesty sir Sultan Sir Hisamuddin Alam Syah. His consort High Royal Highness the Selangor Queen of Tengku Ampuan Jemaah is making this craft and being a side income of Selangor Wives to Producing the Malay Selangor Royal Telepuk textile, She was sending the Mayal Selangor Tranditional TelepukN textile art craft to the Raffles Hotel Singapore under the authorities of the Selangor Malay art crafts enterprise host by Lady Clementi , spounse of Singapore Governor.

**SIMBOL DAN MAKNA RITUAL DALAM ADAT PERTUNANGAN MASYARAKAT MELAYU SEKINCHAN SELANGOR.**

**Oleh :**

**Norhuda Salleh**

**Fakulti Kemanusiaan , Seni & Warisan , Universiti Malaysia Sabah .**

**ABSTRAK**

Pelaksanaan ritual dalam perkahwinan mengandung makna yang ditanda oleh symbol pada ritual yang dijalankan . Sehubungan itu , ritual hanya menjadi satu perkara yang bermakna kepada masyarakat pendukung dan mereka yang menyaksikan pelaksanaan ritual apabila pentafsiran ritual diintegrasi bersama pengguna symbol, sama ada symbol itu berbentuk perkakas, penggerakan tubuh maupun percakapan. Kajian tentang symbol memberikan suatu sumbangan kepada pentafsiran berhubungan ritual yang dilakukan . Fokus kajian menghuraikan jenis dan makna symbol dalam adat pertunangan masyarakat Melayu Sskinchan Selangor. Input kajian diperoleh melalui pemerhatian turut serta dan temu bual mendalam bersama inferman utama iaitu Mak Andam , pengamal adat dan iman. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga jenis symbol iaitu symbol objek, perlakuan verbal dan perlakuan bukan verbal dalam adat pertunangan masyarakat kawasan kajian. Simbol objek ritual tepak sirih, sirih junjung dan cincin merupakan unsur penting dalam ritual adat pertunangan . Sibol objek lain ialah makanan , pakaian dan objekm lain yang lebih bersifat buah tangan . Simbol perlakuan verbal pula dianalisis melalui doa yang dibacakan , terjemahan hubungan manusia dengan pencipta . Analisis terhadap perlakuan bukan verbal pula membuktikan keutamaan orang Melayu terhadap penggunaan wakil , cara dudik, ruang social dan ekspresi muka sewaktu proses ritual dilakukan,

## **SEJARAH DAN BUDAYA WARISAN DALAM TEKS PASCAMODEN**

**Oleh :**

**Hashim Ismail**

**Akademi Pengajian Melayu , Universiti Malaya .**

### **ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan membincangkan bagaimana unsur sejarah dan budaya warisan ditafsirkan dan diberikan makna baharu dalam penulisan teks berbentuk pascamoden , Kesedaran tentang pentingnya sejarah dan budaya warisan terhadap pembentukan identiti generasi muda, menyebabkan penulisan kreatif menggunakan kaedah penulisan persejarahan baharu sebagai satu metode penulisan. Sejarah ditafsir kembali dalam pelbagai bentuk untuk mencapai tujuan menggerakkan kesedaran baharu . Dengan itu sumber sejarah dan budaya warisan dijadikan sebagai satu idea bagi membangunkan minda masyarakat pascamoden . Makalah ini bertujuan membahasakan konsep persejarah baharu dari perspektif pendekatan pascamoden , kemudian menganalisis beberapa teks pascamoden tulisan penulis generasi baharu yang menekankan aspek sejarah dan budaya sebagai satu kaedah mendidik dan menyedarkan tentang kekuatan indentiti yang dimiliki bangsa. Banyak sumber sejarah dan budaya warisan diberikan nafas baharu untuk membawa mesej bagi tujuan regenerasi bangsa. Justeru , makalah ini menyarankan kesedaran terhadap kecintaan sejarah dan budaya warisan yang perlu diteruskan oleh pelbagai pihak , termasuk fungsi pemuziuman dan arkib yang mampu memberikan impak kepada generasi muda dalam pelbagai kaedah termasuk menggalakkan penulisan semula sejarah warisan dalam bentuk nonkreatif dan kreatif.